PENGARUH *UMM AL-BARAHIN* KARANGAN AL-SANUSI DALAM PENULISAN KARYA AKIDAH DI ALAM MELAYU

Oleh:
Engku Ku Hassan Engku Wok Zin[1]
Mohd Fauzi Hamat[2]
kuhasan69@yahoo.com
mfhamat@um.edu.my

ABSTRACT

This article attempts to discuss the influence of Umm al-Barahin on the writings of al-Sanusi in creating an expression of theology in Malay world. The biography of al-Sanusi as writer of Umm al-Barahin kitab expounded in this article concisely. He is al-Asya`irah prominent figure who has been respected in the ninth century Hijrah. His writing, Umm al-Barahin influenced most of the writings on theology after his demise especially in the Malay world. The expressions of theology in the Malay world can be construed as bound with this Umm al-Barahin framework. The content of this debate, the arrangement of the content together with method of arguments are the same as used by al-Sanusi in Umm al-Barahin kitab.

Keywords: *Umm Barahin, al-Sanusi, Malay World, `Aqidah literatures*

---

[1] Engku Ku Hassan Engku Wok Zin, B.A., merupakan calon sarjana Usuluddin di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
[2] Mohd Fauzi Hamat, PhD, merupakan Profesor Madya dan Ketua Jabatan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

PENDAHULUAN

Imam al-Sanusi merupakan seorang sarjana yang disegani pada kurun ke 9 Hijrah. Beliau mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan disiplin ilmu akidah semasa hayat dan selepas kewafatannya. Beliau Pendekatan yang tersendiri, mudah dan ringkas dalam menyebarkan disiplin ini merupakan asas kepada penerimaan generasi berikutnya terhadap hasil karya al-Sanusi. Asas yang dibentuk oleh al-Sanusi menjadi acuan dalam perbincangan dan penulisan disiplin pengajian akidah selepasnya.

Artikel ini tertumpu kepada karya kecil beliau yang istimewa iaitu *Umm al-Barahin* dari aspek pengaruh kitab ini terhadap perkembangan penghasilan karya-karya akidah di dunia Islam umumnya dan alam Melayu khususnya.

BIODATA IMAM AL-SANUSI

Al-Sanusi merupakan salah seorang tokoh Ahl al-Sunnah wa al Jama`ah[3] dan mendokong fahaman al-Asha`irah[4] dalam aliran ilmu akidah yang agung pada abad ke-9 Hijrah bersamaan 15 Masihi. Nama beliau ialah Muhammad bin Yusuf bin `Umar bin Shu`ayb al-Sanusi al-Maliki al- Hasani al-Tilimsani.[5]

[3] Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah merujuk kepada aliran pemikiran Abu al-Hasan al-Ash`ari (m. 324H.) dan Abu Mansur al-Maturidi (m. 333H.). al-Khayali di dalam kitab *Hashiyah `Ala Sharh al-`Aqa'id* menyatakan bahawa golongan al-Asha`irah adalah Ahl al-Sunnah. Kumpulan ini masyhur di Khurasan, Iraq dan tempat-tempat lain. Begitu juga golongan al-Maturidiyyah yang masyhur di negara sekitar Ma Wara' al-Nahr. Ibn al-Subki menyatakan bahawa Ahl al-Sunnah adalah terdiri dari tiga kumpulan berikut, iaitu pertama, Ahl al-Hadith, iaitu kumpulan yang berpegang kuat kepada dalil-dalil dari nas al-Qur'an, al-Sunnah dan al-Ijmak. Kedua, Ahl al-Nazar al-`Aqli iaitu kumpulan yang berpegang kepada dalil akal disamping dalil nas. Tergolong dari kumpulan ini ialah pengikut Abu al-Hasan al-Ash`ari dan Abu Mansur al-Maturidi. Kumpulan yang ketiga ialah Ahl al-Wujdan wa al-Kashf. Kumpulan ini dikenali sebagai golongan ahli tasawuf. lihat al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad al-Hasani (1989), *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin,* Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 4; Salman, Nuh `Ali (2003), *al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharah al-Tawhid*. Kuala Lumpur: Muassasah al-Bayan, h. 17.

[4] Aliran pemikiran dalam akidah yang merujuk kepada Abu al-Hasan al-Ash`ari (m. 324 H), hampir kepada fahaman Ahl al-Hadith dan aliran Fiqh al-Shafi`i, al-Maliki dan sebahagian dari aliran Fiqh Hanbali seperti Ibn al- Jawzi dan Ibn al- Qudamah. Lihat *ibid.*, h. 18.

[5] Al-Yasu`i, al-Ab Luways Ma'luf (1908), *al-Munjid fi al-Lughah wa al-Adab wa al-`Ulum.* Beirut: Matba`ah al-Kathulikiyyah, h. 266.

Al-Sanusi dilahirkan di Tilimsan[6] pada tahun 832 hijrah.[7] Beliau membesar sebagai seorang tokoh ilmuwan yang disegani dalam berbagai disiplin ilmu terutamanya disiplin ilmu kalam dan pemikiran *mantiqi* yang dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab beliau *Umm al Barahin* atau *Dhat al-Barahin.*

Muhammad bin Yusuf merupakan tokoh pertama dimasyhurkan dengan gelaran al-Sanusi. Dengan ketokohan yang ada pada beliau, gelaran al-Sanusi menjadi idaman setiap keluarga untuk dinamakan anak-anak mereka sebagai mengambil barakah dari beliau seperti al-Sayyid Muhammad bin `Ali al-Sanusi. Al-Sanusi dibesarkan di Tilimsan yang merupakan sebuah bandar di Jaza'ir yang banyak melahirkan tokoh-tokoh ulung Islam dalam pelbagai disiplin ilmu seperti al-`Agabani al-Tilimsani[8] iaitu ahli fikah dan merupakan kadi Tilimsan, Muhammad bin Ibrahim bin Ahmad al-Abuli al-Tilimsani, tokoh dalam disiplin *al-Riyadiyyat,* Muhammad bin Ahmad al-Habaq al-Tilimsani, tokoh dalam disiplin matematik, Abu `Abdullah al- Sharif al-Tilimsani dan ramai lagi.[9]

Asywadie Syukur menyatakan bahawa al-Sanusi hidup pada zaman berkembangnya taklid[10] di mana para ilmuwan pada waktu itu merasa cukup dengan mengikuti peninggalan ilmuwan-ilmuwan terdahulu. Mereka tidak lagi berusaha mengkaji dan mendalami ilmu dari sumbernya yang asal iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Namun al-Sanusi merasa belum puas dengan keadaan itu dan beliau amat mencela taklid terutamanya dalam ilmu akidah. Beliau mengabadikan pemikiran-pemikiran tersebut di

---

[6] Tilimsan berkedudukan pada 38.3 darjah garisan bujur menghala ke barat dan 53.34 darjah garisan lintang menghala ke utara, dikenali dengan nama al-Ghadir di zaman empayar Rom dan Tilimsan di zaman Islam. Lihat Balqa'id, Jami`ah Abi Bakr (2008), *Tilimsan wa `Ulama""uha,* http://www1. univ – tlemcen.dz h. 1, 4 April 2008.

[7] Fawdah, Sa`id `Abd al-Latif (2004), *Tahdhib fi Sharh Matn al-Sanusi*. Jordan: Dar al-Razi, h. 19.

[8] Beliau ialah Abu Fadl Qasim bin Sa`id al-`Aqabani al-Tilimsani (m. 854 H/1450 M), ahli fikah yang sampai pada peringkat mujtahid. Beliau dilantik menjadi kadi di Tilimsan dan menghabiskan umurnya dengan menyampaikan ilmu. Lihat al-Zirikli, Khayr al-Din (1980), *al-A`lam*, Jil. 5. Beirut: Dar al-`Ilm li al-Malayin, h. 176.

[9] Balqa'id (2008), *op.cit.*, h. 2.

[10] Taklid ialah berpegang dengan pendapat guru tanpa mengetahui dalil yang digunakan oleh gurunya. Lihat Salman (2003), *op.cit.*, h. 31.

dalam karya-karya beliau.[11] Oleh kerana itulah beliau digolongkan dalam senarai tokoh gerakan pembaharuan yang muncul di Afrika Utara pada kurun kesembilan Hijrah.[12]

Al-Sanusi meninggal dunia pada hari Ahad selepas Asar 18 Jamad al-Akhir tahun 895H.[13] Setelah beliau jatuh sakit selama sepuluh hari. Al-Sanusi meninggal ketika umur beliau 63 tahun.[14] Beliau disemadikan di bumi Tilimsan di mana makam beliau menjadi salah satu tempat kunjungan masyarakat Islam di sana.

Oleh yang demikian dapatlah ditegaskan bahawa al-Sanusi merupakan seorang tokoh ilmuwan pada kurun ke sembilan Hijrah yang amat disegani. Beliau meninggalkan jasa yang amat besar di dalam perkembangan ilmu akidah dan membela sunnah. Susur galur keturunannya berpunca dari Sayyidina Fatimah al-Zahra' dan ini menambahkan lagi kehebatan beliau sebagai seorang sarjana yang dihormati pada waktu itu. Pemergian beliau ditangisi oleh semua lapisan masyarakat.

[11] Asywadie Syukur (1992), *Pemikiran-pemikiran Tauhid Syaikh Mohammad Sanusi.* Surabaya: Pt Bina Ilmu, h. vi.

[12] *Ibid*..

[13] Fawdah (2004), *op.cit.*, h. 19.

[14] al-Malali Meriwayatkan bahawa di akhir hayat al- Sanusi, beliau sentiasa mengasingkan diri dari orang ramai, tidak seperti hari-hari biasa. Tetapi beliau terus ke masjid untuk bersolat kerana malu kepada orang ramai yang sentiasa menunggu beliau untuk berjamaah, sehinggakan ketika sakitnya bertambah sekalipun beliau terus memaksa dirinya untuk ke masjid supaya orang ramai tidak bersedih. Pada satu hari, beliau ke masjid dalam keadaan yang lemah. Setibanya di masjid kakinya tak mampu lagi melangkah, lalu beliau bermunajat: "Ya Tuhan bagaimanakah aku mahu masuk ke masjid" beliau ingin berpatah balik. Tiba-tiba terdetik di hatinya perasaan kasihan terhadap ahli jamaah yang setia menunggu beliau dan sudah tentu mereka akan bersedih dengan ketiadaan beliau, lantas digagahinya juga untuk masuk ke masjid dan menyempurnakan solat dengan penuh kepayahan. Selepas sepuluh hari lamanya beliau menahan kesakitan, namun hati dan ingatan beliau tidak pernah lalai dari mengingati Allah S.W.T., beliau menghembuskan nafas terakhir pada waktu Asar hari Ahad 18 Jamad al-Akhir 895H.. Haruman kasturi memenuhi ruang rumah beliau pada hari kewafatannya. Lihat Nazar bin `Ali (2005), *Ihsa' Musannafat al-Imam Abi `Abdullah Muhammad bin Yusuf al-Sanusi*, http://www.aslen. Net, h. 7, 5 April 2008; al-Tambakti, Ahmad Baba (2004), *Nayl al-Ibtihaj bi Tatriz al-Diba Jil.* `Umar, `Ali (*tahqiq*), Jil. 2, Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, h. 257.

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Abu `Abdullah Muhammad bin Yusuf al-Sanusi adalah seorang sarjana Islam yang terkenal pada abad ke 9 Hijrah yang menguasai berbagai bidang disiplin ilmu Islam terutamanya disiplin ilmu akidah.[15] Dengan berlatar belakangkan keluarga yang berpendidikan dan terdiri dari ilmuwan yang tak kurang hebatnya pada waktu itu, seperti bapa, abang-abang dan saudara mara beliau sendiri, ia menjadi faktor yang amat dominan membentuk beliau membesar sebagai tokoh sarjana yang hebat. Faktor ini disokong pula oleh faktor minat serta sifat beliau yang cintakan kepada ilmu dan ulama', ditambahkan lagi dengan suasana persekitaran di tempat beliau membesar iaitu Tilimsan yang merupakan tempat tumpuan para ilmuwan pada zaman sebelum, semasa dan selepas beliau.

Penguasaan beliau bukan sahaja meliputi ilmu-ilmu zahir sahaja, bahkan ilmu-ilmu batin. Namun begitu penguasaan beliau dalam ilmu akidah dan mantik melonjakkan nama beliau dalam kalangan ilmuwan pada zaman beliau dan zaman-zaman selepasnya hingga kini. Tulisan-tulisan beliau dalam disiplin tersebut bukan sahaja dijadikan teks asas pengajaran ilmu tauhid, bahkan dihurai dan ditafsir oleh ilmuwan-ilmuwan pada zamannya sehinggalah sekarang. Kitab *Umm al-Barahin,* karyanya yang cukup hebat adalah antara contoh karangan beliau dalam disiplin akidah yang masih diguna dan dijadikan bahan pengajaran untuk kanak-kanak sehinggalah dewasa. Kitab ini dicetak dalam pelbagai bahasa.

Pendidikan al-Sanusi bermula dari rumah, di mana beliau dididik oleh bapanya sendiri membaca dan menghafaz al-Qur'an serta mempelajari ilmu bahasa Arab. Seterusnya beliau mula mencari dan mendekati para ilmuwan yang tersohor di negerinya iaitu Tilimsan. Maka bermulalah kehidupan beliau sebagai penuntut ilmu. Dengan berbekalkan kecekalan dan keinginan yang tinggi ditambah pula Tilimsan adalah pusat ilmu di Utara Afrika, ia memudahkan lagi proses pengajian beliau.

Abu Hasan al-Qalsadi al-Andalusi,[16] merupakan guru beliau dalam ilmu mathematik dan pusaka.[17] Abu Hasan merupakan ulama' yang

---

[15] Fawdah (2004), *op.cit.*, h. 19-20.

[16] Beliau ialah `Ali bin Muhammad bin `Ali al-Qurayshi al-Basati (815-891H./1412-1386M.), mahir dalam disiplin ilmu hisab, pusaka dan fikah al-Maliki. Lihat al-Tanbakti (2004), *op.cit.*, Jil. 1, h. 382.

[17] *Ibid.*, Jil. 2, h. 252.

tersohor pada waktu itu di Tilimsan. Beliau juga menganugerahkan ijazah perguruan beliau kepada al-Sanusi setelah mengetahui kemampuan yang ada pada al-Sanusi.[18]

Beliau mempelajari dan mendalami ilmu *al-Qira'ah* daripada al-Sayyid al-Sharif Abu al-Hajjaj Yusuf bin Abi al-`Abbas bin Muhammad al-Sharif al-Hasani iaitu seorang yang pakar dalam bidang *al-Qira'ah*.[19] Ilmu mantik dan usul fikah pula dipelajarinya dari al-Imam Muhammad bin `Abbas[20] dan ilmu fikah dipelajarinya dari al-Faqih al-Jallab (m. 875H).[21] Beliau juga mempelajari dengan saudara beliau dari sebelah ibu, iaitu Abi al-Hasan `Ali bin Muhammad al-Taluti (m. 895H.)[22] kitab *al-Risalah* yang dikarang oleh Abu Zayd al- Qayrawani.[23] Abi al-Hasan al-Taluti bukan sahaja menganugerahkan ijazah kitab *al-Risalah* kepada al-Sanusi, malahan juga kitab *al-Irshad* yang dikarang oleh Imam al-Haramayn al-Juwayni.[24] Ilmu tauhid pula dipelajarinya daripada Abi al-Qasim al-Kanashi.[25]

Al-Sanusi kemudiannya berhijrah ke Wahran,[26] di sana beliau mempelajari ilmu Hadith dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya dengan al-Imam Abi Zayd `Abd al-Rahman al-Tha`alibi (m. 875H.)[27]

---

[18] Al-Kattani, `Abd al-Hayy bin `Abd al-Kabir (1982), *Fihrist al-Faharis wa al-Ithbat.* `Abbas, Ihsan (*tahqiq*), Jil. 2. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami, h. 387.

[19] Al-Tambakti, (2004), *op.cit.*, Jil. 2, h. 329.

[20] Beliau ialah Muhammad bin al-`Abbas bin Muhammad bin `Isa al-`Abadi (m. 871H./1467M.), merupakan ketua ulama''' di Tilimsan pada masa itu. Lihat al-Zirikli (1990), *op.cit.*, Jil. 6, h. 183; al-Tambakti (2004), *op.cit.*, Jil. 2, h. 232.

[21] *Ibid.*, Jil. 2, h. 238.

[22] *Ibid.*, Jil. 1, h. 385.

[23] Beliau ialah Abu Muhammad bin `Abdullah bin Abi Zayd al-Qayrawani dilahirkan di Qayrawan pada 310H., meninggal pada 386H. atau 389H. Lihat `Abd al-Sami`, Salih (t.t.), *al- Thamar al-Dani fi Taqrib al-Ma`ani*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 3.

[24] Beliau ialah Abu al-Ma`ali `Abd al-Malik bin `Abdullah bin Yusuf bin Muhammad al-Juwayni (419-478H./1028-1085M.), masyhur dengan gelaran Imam al-Haramayn, dianggap sebagai ulama'''' *muta'akhirin* yang paling berpengetahuan dan bermazhab al-Shafi`i. Dilahirkan di Juwayn satu daerah di Naysaburi. Beliau memahami dan mahir dalam semua aliran Mazhab. Lihat al-Zirikli (1990), *op.cit.*, Jil. 4, h. 160.

[25] Al-Tambakti, (2004), *op.cit.*, Jil. 2, h. 20.

[26] Sebuah bandar di al-Jaza'ir. Lihat al-Yasu`i (1908), *op cit.*, h. 568.

[27] Al-Tambakti, (2004), *op.cit.*, Jil. 1, h. 284.

yang merupakan ahli Hadith yang termasyhur di situ pada masa itu. Beliau menganugerahkan ijazah ilmu Hadith kepada al- Sanusi.[28]

Kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu membolehkan beliau menguasai berbagai bidang ilmu. Namun begitu, pencariannya berakhir dengan ilmu tasawuf. Beliau menuntut dengan dua tokoh sufi yang masyhur di Tilimsan pada waktu itu iaitu al-Wali al-Kabir al-Salih al-Hasan Abrakan al-Rashidi (m. 857H.)[29] dan Abi al-Qasim al-Kanashi. Dengan didikan dua tokoh sufi tersebut, maka terbentuklah peribadi al-Sanusi yang *zahid*, *wara`*, rendah diri dan mampu memimpin orang lain. Beliau juga menuntut ilmu tasawuf dengan Ibrahim al-Tazi[30] dan diizinkan oleh guru-guru beliau untuk memimpin tarekat ilmu tasawuf yang dipelajarinya. Penguasaan al-Sanusi dalam bidang tasawuf itu seolah-olah menjadi pelengkap kepada kesarjanaan dan ketokohan beliau sebagai ahli agama yang disegani dan dihormati. Di antara guru-guru beliau yang lain ialah, al-`Allamah al-Nasr al-Zawawi (m. 884H.),[31] Muhammad bin Tazit dan ramai lagi.[32]

Di antara tokoh-tokoh masyhur yang mengambil ilmu dari beliau pula di antaranya Ibn Sa`d, Abi al-Qasim al-Zawawi, Ibn Abi Madyan, al-Shaykh Yahya bin Muhammad, Ibn al-Haj al-Daydari, Ibn `Abbas al-Saghir, Wali Allah al-Qal`i, Ibrahim al-Judayji, Ibn Malukah dan ramai lagi.[33]

Faktor latar belakang keluarga yang kuat beragama dan cintakan ilmu menjadi faktor utama yang mendorong Imam al-Sanusi muncul sebagai sarjana yang hebat. Di samping itu, faktor persekitaran di mana beliau membesar juga tidak boleh diketepikan. Tilimsan adalah pusat ilmu pengetahuan pada waktu itu yang boleh dianggap setaraf dengan kota Baghdad di Iraq, Kaherah di Mesir dan Andalus di Sepanyol pada zaman-zaman kegemilangan masing-masing. Minat dan rasa tidak pernah puas dalam menuntut ilmu pengetahuan menjadi faktor tambahan

---

[28] Fawdah (2004), *op.cit.*, h. 20.
[29] Al-Tambakti, (2004), *op.cit.*, Jil. 1, h. 176.
[30] *Ibid.*, Jil. 2, h. 251.
[31] Beliau ialah Ahmad bin `Abdullah al-Jaza'iri (800-884 H / 1398-1479 M) dari Qabilah Zawawah. Beliau bermazhab Maliki. Lihat al-Zirikli (1990), *op.cit.*, Jil. 3, h. 52.
[32] Al-Tambakti, (2004), *op.cit*, Jil. 2, h. 251.
[33] Fawdah (2004), *op.cit.*, h. 24.

yang melengkapkan lagi kesarjanaan beliau, sehinggakan nama beliau dirakamkan setanding dengan tokoh-tokoh lain dalam lipatan sejarah peradaban Islam.

KARYA-KARYA AKIDAH

Al-Sanusi menghabiskan sebahagian besar hidupnya dalam ilmu pengetahuan, menguasai berbagai bidang ilmu terutamanya ilmu akidah atau ilmu kalam. Sifat beliau yang tekun dan gigih dalam menghasilkan ilmu bermula dari seawal zaman kanak-kanaknya lagi. Beliau telah menghasilkan tidak kurang dari empat puluh lima karya dalam pelbagai disiplin ilmu[34] seperti ilmu tafsir, fikah, pusaka, perubatan, Hadith, tasawuf, qira'at, akidah, mantik dan banyak lagi. Namun begitu karangan beliau dalam bidang ilmu akidah menjadi penanda kemasyhuran beliau. Kelainan dalam pendekatan dan susunan dalam karangan-karangan tersebut menjadikannya daya tarikan di kalangan ilmuwan Islam terutamanya kitab *Umm al-Barahin.*

Di antara karya-karya akidah beliau ialah:

1. Kitab *`Aqidah Ahl al-Tawhid al-Mukhrijat bi `Awn Allah min al-Zulumat al-Jahl wa Ribqah al-Taqlid al-Murghamah bi Fadl Allah Ta`ala Anfa Kulli Mubtadi' wa `Anid.* Ia dikenali dengan *al-`Aqidah al-Kubra,* kitab pertama yang dikarang oleh al-Sanusi dalam ilmu tauhid. Kitab ini membincangkan permasalahan iman kepada Allah, para Rasul dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. Kitab *`Umdah Ahl Tawfiq wa al-Tasdid fi Sharh `Aqidah Ahl al-Tawhid*. Ia merupakan huraian kepada kitab *al-`Aqidah al-Kubra.* Al-Sanusi mempersembahkan huraian yang terperinci terhadap permasalahan-permasalahan yang kurang jelas dalam *al-`Aqidah al-Kubra.*

3. Kitab *al-`Aqidah al-Wusta* . Ia merupakan ringkasan kepada kitab *al-`Aqidah al-Kubra.* Namun begitu, al-Sanusi ada membuat sedikit penambahan untuk memantapkan lagi karya beliau ini. Kitab ini ringkas, padat dan amat bermanfaat

[34] Al-Shams al-Anbabi (t.t), *Taqrir li al-Hashiyah `ala Matn al-Sanusiyyah*. Indonesia: Dar al-Ihya' al-Kutub al-`Arabiyyah, h. 2.

kepada semua golongan masyarakat sama ada kepada penuntut-penuntut ilmu akidah atau ilmuwan-ilmuwan yang ingin memahami dengan lebih mendalam perbahasan akidah.

4. Kitab *Sharh al-`Aqidah al-Wusta.* Ia merupakan huraian kepada kitab *al-`Aqidah al-Wusta*. Kitab ini bukan sahaja dihurai oleh al-Sanusi, tetapi juga oleh ilmuwan-ilmuwan Islam yang terkemudian seperti al-Shaykh `Ulaysi dan turut dibuat ulasan oleh al-Shaykh Yasin.[35]

5. Kitab *al-`Aqidah al-Sughra.* Kitab ini masyhur dengan nama *Umm al-Barahin* dan *Dhat al-Barahin*. Ia merupakan kitab yang kecil tetapi menghimpunkan keseluruhan akidah. Menurut Sa`id `Abd al-Latif Fawdah, kitab ini adalah kitab yang paling baik membicarakan permasalahan akidah. Sesiapa yang meneliti dan mengkaji kitab ini nescaya akan memperolehi manfaat yang tidak ternilai harganya, seterusnya memperolehi petunjuk kebenaran dalam masa yang singkat.[36] Perkara ini ditegaskan sendiri oleh al-Sanusi di dalam kitab *Sharh al-`Aqidah al-Sughra*.[37] Kitab kecil ini bukan sahaja dihuraikan oleh al-Sanusi, bahkan dihuraikan juga oleh ulama'-ulama' lain seperti al-Shaykh Muhammad al-Hashimi, al-Shaykh Ibrahim al-Bayjuri dan ramai lagi.

6. Kitab *Sharh al-`Aqidah al-Sughra*. Ia merupakan huraian kepada kitab *al-`Aqidah al-Sughra*. Kitab ini menjadi pilihan beberapa ulama' selepasnya untuk dibuat ulasan, contohnya ulasan yang dibuat oleh al-`Allamah Muhammad bin Ahmad al-Dusuqi.

7. Kitab *`Aqidah Sughra al-Sughra*. Kitab ini adalah ringkasan kepada kitab *`Aqidah al-Sughra.* Al-Sanusi hanya menyenaraikan isi-isi penting kandungan akidah dengan huraian yang amat ringkas. Ia bolehlah diklasifikasikan sebagai nota ilmu akidah.

---

[35] Fawdah (2004), *op.cit.*, h. 22.

[36] *Ibid*..

[37] Ibrahim al-Bayjuri, (t.t), *Hashiyah `Ala Matn al-Sanusiyyah*. Indonesia: Dar Ihya' al-Kutub al-`Arabiyyah, h. 2.

8. Kitab *Sharh Sughra al-Sughra*. Kitab ini adalah huraian kepada kitab *`Aqidah Sughra al-Sughra.*

9. Kitab *`Aqidah Sughra Sughra al-Sughra.* Kitab ini adalah ringkasan kepada kitab *`Aqidah Sughra al-Sughra.*

10. Kitab *al-Muqadimat***.** Ia merupakan sebuah kitab kecil yang dikarang oleh al-Sanusi untuk penuntut-penuntut ilmu agama. Kitab ini dilengkapi dengan berbagai ilmu bertujuan untuk melatih penuntut-penuntut ilmu berinteraksi dengan pelbagai disiplin ilmu. Kitab ini mengandungi lapan mukadimah. Mukadimah yang pertama membincangkan mengenai hukum hakam, kedua membicarakan pandangan-pandangan mazhab, ketiga membincangkan jenis-jenis syirik, keempat membincangkan asas kekufuran dan bid'ah, kelima membahaskan tentang *al-mawjudat*, keenam *al-mumkinat,* ketujuh membincangkan sifat-sifat azali, dan mukadimah kelapan membicarakan tentang amanah pada hak para rasul.

11. Kitab *Sharh al-Muqadimat.* Ia merupakan huraian kepada kitab *al-Muqadimat.*

12. Kitab *Sharh Wasitah al-Suluk*. Kitab ini adalah huraian kepada kitab *`Aqidah Mujazah* yang dikarang oleh Abu `Abdullah Muhammad bin `Abd al-Rahman al-Hawdi, merupakan pakar dalam bidang fikah. Karya al-Sanusi ini dihasilkan bagi memenuhi permintaan dari al-Hawdi sendiri.

13. Kitab *al-Minhaj al-Sadid fi Sharh Kifayah al-Murid*. Kitab ini adalah huraian kepada kitab *Kifayah al-Murid fi `Ilm al-Tawhid,* karangan al-`Alim al-Wali al-Salih Ahmad bin `Abdullah al-Jaza'iri. Huraian yang dibuat oleh al-Sanusi terhadap kitab ini amat panjang.

16. Kitab *Sharh Jawahir al-`Ulum*. Kitab ini adalah huraian kepada kitab *Jawahir al-`Ulum*, karangan `Adud al-Din al-Iji dalam disiplin ilmu akidah.

Berdasarkan perbentangan karya-karya al-Sanusi di atas, dapatlah dirumuskan bahawa al-Sanusi merupakan seorang tokoh *al-mutakallimin* yang menguasai pelbagai disiplin ilmu, teruramanya ilmu akidah. Penguasaan beliau dalam bidang akidah ini boleh dikatakan mencakupi semua aspek bidang ilmu yang berkaitan dengan akidah yang diperlukan oleh seorang sarjana yang menjadi ikutan sejak dahulu sehingga kini.

LATAR BELAKANG KITAB *UMM AL-BARAHIN*

Umm al-Barahin, karangan al-Sanusi merupakan sebuah karya akidah. Kitab ini juga dikenali dengan nama *al-`Aqidah al-Sughra* dan *Dhat al-Barahin* adalah intipati dari kitab *`Aqidah Ahl al-Tawhid*, karangan beliau sendiri yang dikenali dengan nama *`Aqidah al-Kubra.* Penghasilan karya ini adalah kesinambungan dari usaha-usaha penghasilan karya ilmiah dalam bidang akidah sejak kurun kedua Hijrah lagi. Ia dihasilkan bagi memenuhi tuntutan semasa masyarakat Islam yang amat memerlukan kepada satu karya akidah yang kemas dan mantap untuk digunakan bagi menghadapi suasana semasa umat Islam yang amat mencabar, berikutan penularan pengaruh ilmu falsafah dalam perbahasan ilmu akidah, sehingga masyarakat tidak dapat membezakan di antara unsur agama iaitu akidah dengan unsur falsafah.[38]

[38] Boleh dikatakan bahawa unsur kias mantik yang berasaskan kepada falsafah tidak mendapat tempat di kalangan masyarakat dan tidak dibahaskan secara mendalam di kalangan *al-mutakallimin* terdahulu. Kemasukan ilmu mantik ke dalam perbahasan ilmu Islam dimulai oleh Imam Abu al-Ma`ali al-Haramayn menerusi karya beliau, iaitu kitab *al-Shamil,* kemudian diringkaskan perbahasannya menerusi kitab *al-Irsh*ad. Seterusnya Imam al-Haramayn dijadikan ikutan oleh ilmuwan Islam pada waktu itu dan selepas kewafatannya. Ilmuwan Islam mula meneliti ilmu mantik secara intensif dan membezakannya dengan ilmu falsafah. Mereka berpendapat bahawa ilmu mantik adalah satu ilmu yang boleh mengukur status kesahihan dalil. Justeru mereka mula mengkaji kaedah yang ada dalam ilmu mantik tersebut ke atas perbahasan ilmu kalam di kalangan ilmuwan terdahulu. Hasilnya sebahagian daripada mereka mula tidak bersependapat dengan pandangan ilmuan terdahulu. Dari sini, maka munculnya satu manhaj yang dikenali dengan *manhaj al-muta'akhkhirin.* Manhaj ini banyak memberi penekanan terhadap penyelewengan ilmu falsafah yang menyerap masuk dalam perbahasan akidah. Di antara tokoh yang masyhur dengan manhaj ini ialah Imam al-Ghazali dan Imam Ibn al-Khatib. Namun begitu selepas peninggalan al-Ghazali, ulama" *al-muta'akhirin* mula membawa masuk kembali unsur falsafah ke dalam pebahasan akidah kerana terpengaruh dengan karya-karya falsafah tersebut sehinggakan mereka beranggapan bahawa ilmu kalam dan ilmu falsafah adalah sama. Lihat Ibn Khaldun, `Abd al-Rahman bin Muhammad (1979), *Tarikh Ibn Khaldun*, Jil. 1.

Sebagaimana yang diketahui, al-Sanusi adalah salah seorang tokoh ilmu kalam yang menonjol pada abad ke sembilan Hijrah dari aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah[39] yang dipolopori oleh al-Imam Abu al-Hasan al-Ash`ari (m. 330H.) dan al-Imam Abu Mansur al-Maturidi (m. 332H.). Di antara tokoh-tokoh lain yang terkenal dalam aliran Ahl al-Sunnah ini ialah Abu Mansur al-Baghdadi (m. 429H.),[40] Imam al-Haramayn (m.478H.),

Beirut: Mu'assasah Jammal li al-Tiba`ah Wa al-Nashr, h. 388-389.

[39] Fawdah (2004), *op.cit.*, h. 8. Walaupun beliau adalah tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah, namun dalam pemikiran tauhidnya ada perbezaan dengan tokoh-tokoh terdahulu, seperti Abu Hasan al-Ash`ari (m. 330 H) dan Abu Mansur al-Maturidi (m. 332 H). Sebagai contoh, walaupun kedua-dua tokoh ini berpendapat iman orang bertaklid masih dianggap sah. Sebaliknya Imam al-Sanusi berpendapat, iman mereka tidak sah dan masih dianggap kafir. Lihat al-Sanusi (1936), *op.cit.*, h. 42. Muhammad Fudali di dalam kitabnya yang bernama *Kifayah al-`Awam*, menyatakan bahawa al-Sanusi menarik balik pendapat beliau mengenai iman orang yang bertaqlid dan bersependapat dengan Jumhur Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah. Namun begitu, menurut Muhammad al-Fudali, beliau tidak pernah menemui penarikan balik tersebut di mana-mana karya Imam al-Sanusi. Lihat al- Fudali, Shaykh Muhammad (t.t), *Kifayah al-`Awam*. Fatani: Matba`ah Ibn Halabi, h. 18. Beliau juga tidak sependapat dalam masalah kepentingan atau keperluan mengetahui dalil *tafsili* dalam akidah. Menurut al-Sanusi, dalil *tafsili* wajib diketahui oleh mukalaf, sedangkan tokoh terdahulu bersepakat bagi mukalaf cukup dengan dalil *ijmali* sahaja. Beliau juga tidak bersependapat mengenai jumlah sifat yang wajib bagi Allah yang wajib diketahui oleh mukallaf. Beliau mengira sebanyak dua puluh sifat, sedangkan bagi Abu al-Hasan al-Ash`ari tiga belas sifat sahaja, manakala bagi Abu Mansur al-Maturidi dua puluh satu sifat. Lihat Asywadie Syukur, (1992), *op.cit.*, h. vii.

[40] Beliau ialah `Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Tamimi, tokoh ilmuwan yang menguasai banyak bidang ilmu seperti ilmu usul, fikah, pusaka, hisab dan ilmu kalam. Beliau mendapat jolokan ulama'' yang paling berpengetahuan di Khurasan. Lihat al-Dhahabi, Abu `Abdullah Muhammad bin Ahmad bin `Uthman (1413H.), *Sayr A`lam al-Nubala*', Jil. 17. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 572.

Imam al-Ghazali (m. 505H.),[41] Fakhr al-Din al-Razi (m. 606H.),[42] al-Iji (m.756H.),[43] Taftazani (m. 864H.)[44] dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, sudah tentulah penulisan beliau dalam *Umm al-Barahin* ini berasaskan metode al-Asha`irah yang menggunakan metode mantik atau logik dan ilmu wahyu dalam proses pendalilan bagi mengisbatkan doktrin-doktrin akidah Islam.

Al-Umm dari aspek bahasa membawa maksud "asal bagi sesuatu".[45] Manakala *al-Barahin* pula adalah kata jamak dari perkataan *barhana* yang bermaksud "hujah atau kenyataan yang putus".[46] Dari aspek disiplin mantik pula *al-burhan* membawa maksud "hujah atau dalil

---

[41] Nama penuh beliau ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali al-Tusi. Beliau merupakan ahli falsafah dan pengamal ilmu tasawuf. Beliau mempunyai dua ratus karya dalam pelbagai bidang ilmu. Beliau dilahirkan di Tibran, satu daerah di Khurasan dan meninggal di tempat kelahirannya iaitu di Tibran. Dalam hidupnya beliau pernah berhijrah ke Naysabur, kemudian ke Baghdad dan selepas itu ke Hijaz dan negeri Syam. Beliau kemudiannya balik ke kampung halamannya dan meninggal di sana. Beliau mendapat gelaran al-Ghazali nisbah kepada al-Ghazal. Lihat al-Zirikli (1980), *op.cit.*, Jil. 7, h. 22.

[42] Nama beliau ialah Muhammad bin `Umar bin al-Hasan al-Taymi al-Bakri (544-606 H./1150-1210M.). Beliau adalah seorang tokoh mufassir, menguasai ilmu *`aql* dan *naql* dan merupakan tokoh yang paling menonjol di zamannya. Berasal dari keturunan Quraysh. Beliau dilahirkan di Tibrasan dan meninggal di Hirat. Karya-karya beliau menjadi tumpuan masyarakat pada waktu hidupnya lagi. Banyak di antara karya-karyanya dijadikan bahan pembelajaran dan perbincangan. Beliau mahir berbahasa Parsi. Di antara karya-karyanya ialah *Mafatih al-Ghayb, Lawami` al-Bayanat fi Sharh Asma' Allah Ta`ala wa al-Sifat, Ma`alim Usul al-Din* dan banyak lagi. Lihat *ibid.*, Jil. 6, h. 313.

[43] Al-Iji `Adud al-Din (m. 756H./1355M.). Nama penuh beliau ialah `Abd al-Rahman bin Ahmad bin `Abd al-Ghafar, Abu al-Fadl. Beliau adalah tokoh dalam bidang *`ilm al-usul*, *al-ma`ani* dan bahasa Arab. Menetap di Iyji, Parsi. Beliau dilantik sebagai kadi di sana. Beliau berjaya melahirkan tokoh-tokoh agong dalam bidang keilmuan. Pengaruh beliau telah dicurigai oleh pemerintah pada waktu itu. Hasilnya beliau dipenjarakan dan wafat di sana. Di antara karya-karya beliau ialah *al-Mawaqif , al-`Aqa'id al-`Adudiyyah, al-Risalah al-`Adudiyyah, Jawahir al-Kalam, Sharh Mukhtasar ibn al-Hajib, al-Fawa'id al-Ghiyathiyah, Ashraf al-Tawarikh* dan *al-Madkhal fi `Ilm al-Ma`ani.* Lihat *ibid.*, Jil. 3, h. 295.

[44] Al-Dhahabi (t.t), *op.cit.*, Jil. 4, h. 68.

[45] Mustafa, Ibrahim *et al.* (1986), *al-Mu`jam al-Wasit.* Istanbul : Dar al-Da`wah, h. 27.

[46] *Ibid.*, h. 53.

yang berbentuk kias yang terbentuk dari mukadimah-mukadimah yang *yaqiniyyah*".[47] Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan dari gandingan kedua-dua perkataan tersebut bahawa *Umm al-Barahin* bermaksud sebuah kitab yang menghimpunkan hujah-hujah yang bertaraf yakin yang berkaitan dengan ilmu tauhid.

Sebelum kemunculan *Umm al-Barahin* ini, ulama' Islam khususnya ahli falsafah yang terdahulu membahaskan sifat-sifat ketuhanan secara panjang lebar dengan memasukkan pemikiran-pemikiran falsafah Yunani ke dalam karya-karya mereka. Ini menyebabkan ada di antaranya tersasar jauh dari ilmu wahyu. Al-Ghazali umpamanya banyak mengkritik ahli falsafah Islam khususnya Ibn Sina dan al-Farabi yang dilihatnya telah melencung dari landasan kebenaran ketika menggunakan ilmu tersebut dalam membahaskan isu-isu ketuhanan. Ini menjadikan perbahasan mereka sukar difahami terutamanya oleh golongan yang baru menceburi dalam disiplin ini dan juga oleh golongan pertengahan. Perkara ini dijelaskan oleh al-Ghazali dalam kitabnya *Tahafut al-Falasifah.* Manakala al-Sanusi pula berpendapat, kewujudan unsur falsafah dalam perbahasan ilmu akidah ini akan menggelirukan masyarakat awam. Dengan alasan ini, al-Sanusi cuba menampilkan sesuatu yang boleh dijadikan panduan kepada umat Islam supaya mereka tidak terpengaruh dengan ilmu-ilmu dan metodologi yang digunakan oleh ahli falsafah. Oleh yang demikian, al-Sanusi tampil menyaring intipati-intipati perbahasan tersebut, di mana beliau cuba mengolah dan memurnikannya di dalam sebuah kitab yang kecil, tetapi meliputi keseluruhan perbahasan ulama' terdahulu berasaskan akal yang selari dengan ilmu wahyu dalam membahaskan persoalan akidah.

Al-Sanusi menamakan kitab ini dengan nama *Umm al-Barahin.* Penamaan ini amat tepat sekali, kerana kitab ini menghimpunkan *`aqa'id* iman yang berkaitan dengan *al-ilahiyyat* dan *al-nubuwwat* dengan disertai dalil *`aqli* yang menepati dalil *naqli* yang kesemuanya bertaraf yakin. Sa`id `Abd al-Latif Fawdah menegaskan bahawa penamaan kitab *Umm al-*

[47] Lihat Habannakah al-Midani, `Abd al-Rahman Hasan (2004), *Dawabit al-Ma`rifah*. Damsyik: Dar al-Qalam, h. 298. Lihat juga Fawdah, Sa`id `Abd al-Latif (2004), *al-Muyassar li Fahm Ma`ani al-Sulam.* Jordan: Dar al-Razi, h. 112; Athir al-Din, al-Abhari (2003), *Mughni al-Tullab Sharh Matn Isaghuji*, al-Buti, Mahmud Ramadan (*tahqiq*), Damsyik: Dar al-Fikr, h. 104.

Barahin bertepatan dengan namanya sebagai ibu segala hujah dan dalil.[48] Persembahan kitab ini dalam bentuk yang ringkas, jelas dan menampilkan penggunaan gaya bahasa yang mudah, menjadikannya mampu difahami oleh semua lapisan masyarakat, seseorang tidak memerlukan tempoh yang panjang untuk mereka memahami persoalan akidah Islam yang dibahaskan di dalamnya.[49]

Menerusi *Umm al-Barahin* ini, al-Sanusi menghimpunkan hanya dua puluh sifat sahaja yang wajib bagi Allah S.W.T. yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf[50] dan tiga sifat sahaja yang wajib bagi Rasul yang wajib atas setiap mukallaf mengetahuinya.[51] Segala sifat tersebut adalah disebut sebagai *Ummahat al-Sifat* atau ibu segala sifat-sifat kesempurnaan yang wajib bagi Allah S.W.T. .

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa kitab *Umm al-Barahin* adalah sebuah karya akidah karangan al-Sanusi yang menghimpunkan sifat-sifat Allah S.W.T. berasaskan dalil *`aqli* yang selari dengan dalil *naqli.* Kitab ini dihasilkan oleh al-Sanusi untuk memenuhi tuntutan semasa demi memelihara akidah umat Islam dari unsur falsafah yang mengelirukan dalam perbahasan persoalan akidah yang banyak mempengaruhi pemikiran umat Islam pada waktu itu.

KANDUNGAN KITAB *UMM AL-BARAHIN*

Umm al-Barahin adalah kitab akidah, maka sudah tentu isi kandungnya berasaskan perbahasan akidah yang terkandung dalam Rukun Iman yang enam. Namun begitu, kitab kecil ini hanya membincangkan permasalahan akidah yang berkaitan dengan ketuhanan dan kenabian sahaja. Secara kasarnya kitab ini mengandungi empat bahagian utama iaitu:

Pertama : Penjelasan hukum akal. Dalam bahagian ini beliau menjelaskan bahawa ada tiga hukum akal iaitu *al-wujub* (wajib), *al istihalah* mustahil) dan *al-jawaz* (harus).

[48] Fawdah (2004), *op.cit.*, h. 8.

[49] Lihat al-Sharqawi, `Abd Allah bin Hijazi (1955), *Hashiyah `ala Sharh al-Imam al-`Allamah Muhammad bin Mansur al-Hudhudi `Ala Umm al-Barahin.* Kaherah: Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 3.

[50] Al-Sanusi (2005), *op.cit.*, h. 5.

[51] *Ibid.*, h. 17.

Kedua : *al-Ilahiyyat*, Dalam bahagian ini al-Sanusi menetapkan dua puluh sifat yang wajib dan mustahil bagi Allah yang wajib diketahui oleh mukallaf dan satu sifat yang harus bagi Allah S.W.T. yang wajib diketahui oleh mukallaf.

Ketiga *al-Nubuwwat*, Dalam bahagian ini al-Sanusi menetapkan hanya tiga sifat sahaja yang wajib dan mustahil dan satu sifat harus bagi rasul yang wajib atas setiap mukallaf mengetahuinya.

Keempat : Huraian dua kalimah *al-Shahadah.* Dalam bahagian ini al-Sanusi menghuraikan dua kalimah syahadah berasaskan sifat sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah S.W.T. dan Rasul a.s. di sini juga beliau menjelaskan dua sifat ketuhanan iaitu *al-istighna'* dan *al-iftiqar.*

Dari ulasan ringkas kitab *Umm al-Barahin* di atas, dapatlah dirumuskan bahawa walaupun kitab ini adalah sebuah karya akidah yang kecil, ringkas dan padat, namun isi kandungannya mencakupi sebahagian besar asas akidah Islam iaitu *al-ilahiyyat* dan *al-nubuwwat*. Gaya bahasa yang digunakan oleh al-Sanusi mudah difahami dan ciri ini merupakan antara keistimewaan karya ini.

PENGARUH PENDEKATAN *UMM AL-BARAHIN* KE ATAS PENULISAN KARYA AKIDAH DI ALAM MELAYU

Umm al-Barahin adalah sebuah karya akidah karangan al-Sanusi yang muncul pada abad ke sembilan Hijrah. Kemunculannya memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan pemikiran dalam bidang akidah Islam. Karya ini dihasilkan oleh al-Sanusi setelah beliau mengambil usaha merumuskan doktrin-doktrin akidah dalam satu huraian yang ringkas, padat dan mudah difahami. Pendekatan *Umm al-Barahin* mempengaruhi penulisan karya-karya akidah yang muncul selepas al-Sanusi, terutamanya di alam Melayu. Metode atau pendekatan yang digunakan oleh al-Sanusi dalam kitab ini menjadi asas kepada kebanyakan penghasilan karya-karya akidah selepas kurun kesembilan Hijrah atau selepas kewafatan beliau.

Dalam menyusuri pengaruh *Umm al-Barahin* ke atas karya akidah ini, penulis dapat mengenalpasti beberapa ciri keistimewaan yang membezakan *Umm al-Barahin* dengan karya-karya akidah yang lain, yang mana ciri-ciri tersebut boleh dikatakan tidak wujud secara keseluruhannya di dalam penulisan karya-karya akidah sebelumnya. Ciri-ciri tersebut ialah:

1. Dimulakan dengan perbahasan hukum akal.

2. Menghadkan hanya dua puluh sifat Allah S.W.T. sahaja yang wajib diketahui oleh mukallaf secara huraian satu persatu dan tiga sifat yang wajib bagi rasul.

3. Huraian dua *Kalimah al-Shahadah*, dengan menonjolkan dua sifat ketuhanan iaitu *al-istighna'* dan *al-iftiqar*.

4. Pendalilan menggunakan logik akal atau metode *al-qiyas* mantik yang selari dengan dalil dari *al-naqli*.

Ciri-ciri inilah membolehkan penulis mengesan karya-karya akidah yang dipengaruhi oleh manhaj *Umm al-Barahin* di alam Melayu. Sebelum penulis menyenaraikan karya-karya akidah di alam Melayu yang terpengaruh dengannya secara terperinci, terlebih dahulu penulis paparkan secara ringkas beberapa karya akidah berbahasa Arab yang menghuraikan atau mensyarahkan kitab *Umm al-Barahin*. Kewujudan pelbagai versi kitab syarahan terhadap kitab *Umm al-Barahin* ini menunjukkan betapa besarnya pengaruh *Umm al-Barahin* dalam kalangan para ulama' yang menyusul selepas al-Sanusi, di antaranya :

1. Kitab *Hashiyah al-Bayjuri `ala Umm al-Barahin* , karangan al-`Allamah Ibrahim al-Bayjuri,[52] cetakan

[52] Beliau dilahirkan di kampung al-Bayjur, Munufiyyah, Mesir pada 1198H./1784M. dan digelar sebagai *Shaykh al-Islam*. Beliau mendapat didikan di Universiti al-Azhar sebelum berguru dengan Shaykh Muhammad al-Fudali dan Hasan al-Quwaysani sehinggalah beliau menjadi salah seorang pelajar al-Azhar yang paling berjaya. al-Bayjuri merupakan seorang ulama' yang aktif berkarya dalam pelbagai bidang ilmu seperti tauhid, fikah, mantik, tafsir, *bayan* dan lain-lain lagi. Beliau seterusnya meneruskan kerjaya sebagai guru sehingga mendapat kedudukan yang tertinggi di Universiti al-Azhar. Al-Khadawi `Abbas Basha pernah menghadiri kuliah beliau. al-Bayjuri wafat pada tahun 1277H./1860M.. Lihat Shayhku, Luways (2008), *Tarikh al-Adab*

Matba`ah Dar al-Ma`arif, Pulau Pinang, Malaysia.

2. Kitab *Sharh Umm al-Barahin*, karangan al-Batawari (m. 1355H./ 1936M.). Nama penuh beliau ialah Muhammad al-Makki bin Muhammad bin `Ali Ibn `Abd al-Rahman al-Sharshali, Abu Hamid al-Batawari.

3. Kitab *Tali` al-Bushra `ala al-`Aqidah al-Sanusiyyah al-Sughra*, karya Ibrahim bin Ahmad al-Marighani al-Tunisi (m. 1349H.).[53]

4. Kitab *Sharh Umm al-Barahin***,** karangan Ahmad bin `Isa al-Ansari.

5. Kitab *Tahdhib Sharh al-Sanusiyyah*. Kitab ini dikarang oleh Sa`id `Abd al-Latif Fawdah. Ia dicetak di Dar-al-Razi, Jordan. Kitab ini adalah hasil pemurnian pengarang terhadap kitab *Sharh Umm al-Barahin* karya Ahmad bin `Isa al-Ansari.[54]

6. Kitab*`Aqa'id al-Durriyyah Sharh Matn al-Sanusiyyah.* Kitab ini dikarang oleh al-Shaykh Muhammad al-Hashimi dan dicetak di Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir.

7. Kitab *Sharh Umm al-Barahin*. Kitab ini dikarang oleh Muhammad bin Mansur al-Hudhudi.

8. Kitab *Hashiyah`ala Sharh Umm al-Barahin li al-Hudhudi*. Kitab ini dikarang oleh al-Shaykh `Abdullah bin Hijazi al-Sharqawi al-Shafi`i (m. 1227H.).

---

al-`Arabiyyah, Jil. 1, h. 45, http://www.alwarraq.com. 4 Julai 2008.

[53] Abu Yazid, Muhammad Shar`i (t.t), *Jam` al-Qur'an fi Marahilih al-Tarikhiyyah min al-`Asr al- Nabawi ila al-`Asr al-Hadith*, Jil. 1, t.tp.:t.p, h. 136.

[54] Beliau melakukan pemurnian dari aspek mempermudahkan mana-mana ungkapan yang sukar difahami oleh pembaca. Di samping itu, beliau sedaya upaya mengekalkan struktur asal kandungan kitab karangan al-Ansari. `Abd al-Latif Fawdah juga membuat pembetulan terhadap kesilapan cetakan supaya ia menepati apa yang dikehendaki oleh Shaykh al-Ansari. Lihat *ibid*..

9. Kitab *Hashiyah `ala Sharh Umm al-Barahin*. Kitab ini dikarang oleh Muhammad bin Ahmad bin `Irfah al-Dusuqi.

Setelah dinyatakan beberapa karya syarahan dan ulasan terhadap kitab *Umm al-Barahin*, kajian ini juga mendapati terdapat beberapa karya yang terpengaruh dengan pendekatan *Umm al-Barahin* dalam membahaskan persoalan akidah di antaranya ialah:

1 Kitab *Kifayah al-`Awam*. Kitab ini dicetak di Matba`ah Ibn Halabi, Thailand. Kitab ini dikarang oleh al-Shaykh Muhammad al-Fudali (m. 1236H./1820M.).[55] Ia tidak sama sebagaimana kitab-kitab terdahulu yang berkonsepkan huraian, pemurnian dan ulasan kepada kitab *Umm al-Barahin*. Kitab ini adalah kitab yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri tetapi ia masih mengekalkan manhaj *Umm al-Barahin* sebagai asas penulisan karya ini. Pengarang menambah beberapa dalil lain di samping dalil-dalil yang telah sedia ada di dalam *Umm al-Barahin*. Begitu juga dari aspek susunan kandungan kitab, pada asasnya ia adalah sama, namun begitu ada beberapa isi kandungan kitab ditambah iaitu kemuliaan Nabi Muhammad, kemuliaan Sahabat Nabi, anak-anak Nabi Muhammad, nasab Rasulullah dan pengarang menambah sifat *fatanah* (pintar) sebagai tambahan sifat-sifat yang wajib bagi rasul. Manakala perbincangan hukum akal tidak disentuh oleh Shaykh al-Fudali dalam kitab ini.

2. Kitab *Tahqiq al-Maqam `ala Kifayah al-'Awam,* karangan Shaykh Ibrahim al-Bayjuri. Kitab ini dicetak di Matba`ah Ibn Halabi, Thailand, dan ia adalah ulasan kepada kitab *Kifayah al-`Awam* oleh Shaykh Muhammad al-Fudali.

---

[55] Beliau merupakan salah seorang tokoh ulama' kalam dan fikah di Mesir. Di antara penuntutnya yang masyhur ialah Ibrahim al-Bayjuri. Lihat Kahalah, `Umar Rida (t.t), *Mu`jam al-Mu'alifin Tarajum Musannif fi al-Kutub al-`Arabiyyiah,* Jil. 10. Beirut: Maktabah al-Muthna, Dar al-Ihya' al-Turath, h. 60.

3. Kitab *al-Durr al-Farid Fi `Aqa'id Ahl al-Tawhid,* karangan Shaykh Ahmad bin al-Sayyid `Abd al-Rahman al-Nahrawi (m. 1210H./1795M.).[56] Kitab ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan *Umm al-Barahin* dari aspek isi kandungannya dan pendekatan mantik yang digunakan dalam proses pendalilan. Namun begitu didapati beliau ada membuat penambahan pada isi kandungan kitab tersebut, seperti dalam sifat yang wajib bagi rasul, al-Nahrawi menambah satu lagi sifat iaitu sifat *al-fatanah.* Bilangan rasul seramai dua puluh lima orang rasul juga disenaraikan satu persatu, kemudian disenaraikan juga rasul-rasul yang mendapat gelaran *ulu al-`azm* seramai lima orang rasul.

4. Kitab *Jawharah al-Tawhid*, karangan Shaykh Ibrahim al-Laqqani al-Maliki (m. 1041H./1631M.).[57] Kitab ini dikarang dalam bentuk rangkap-rangkap puisi sebanyak 144 rangkap. Terhimpun di dalamnya intipati permasalah akidah, ia disusun dalam bentuk puisi adalah untuk membantu pelajar-pelajar menghafaz karya tersebut secara keseluruhannya. Kitab ini kemudiannya dihuraikan oleh anak beliau sendiri iaitu al-Shaykh `Abd al-Salam (971-1078H./1563-1668M.).[58] Huraian yang dipersembahkan adalah dalam bentuk yang ringkas.

Di alam Melayu secara khususnya, pengaruh *Umm al-Barahin* dalam karya-karya dan pengajian akidah adalah amat ketara. Mudasir Rosder menyatakan bahawa boleh dikatakan kebanyakan pendekatan yang ada di Malaysia adalah menggunakan pendekatan sifat dua puluh yang diasaskan oleh al-Sanusi menerusi *Umm al-Barahin.* Ini berlaku

[56] Al-Zirikli (1980), *op.cit.*, Jil. 3, h. 340.

[57] Nama penuh beliau ialah Ibrahim bin Ibrahim bin al-Hasan bin `Ali al-Laqani al-Maliki al-Misri, wafat pada tahun 1041H.. Beliau merupakan tokoh ilmuwan di Mesir, beliau mempunyai pengetahuan yang luas dalam ilmu Hadith serta menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan Islam. Di antara karya-karya beliau ialah: *Qada' al-Watr fi Tawdih Nukhbat al-Fikr li al-Hafiz ibn Hajar, Ijmal al-Rasa'il, Bahjah al-Mahafil fi al-Ta`rif bi Ruwat al-Shama'il* dan banyak lagi. lihat Kahalah (t.t), *op.cit.*, Jil. 1, h. 2; al-Kattani (t.t), *op.cit.,* Jil. 1, h. 130.

[58] Al-Zirikli (1980), *op.cit.*, Jil. 3, h. 355.

sama ada di peringkat kanak-kanak seperti di sekolah agama rendah dan menengah, sama ada buku teksnya dalam bahasa Arab atau bahasa kebangsaan, ataupun di peringkat dewasa, seperti kelas-kelas agama yang diadakan di masjid-masjid ataupun di tempat-tempat lain.

Pengarang-pengarang akidah di alam Melayu menjadikan pendekatan *Umm al-Barahin* sebagai asas utama dalam karya mereka. Pendekatan tersebut dapat dilihat pada tiga aspek utama iaitu isi kandungan kitab, susunan isi kandungan dan metode pendalilan. Di sini penulis akan paparkan di antara karya-karya akidah di alam Melayu yang mengunakan pendekatan *Umm al-Barahin* beasaskan tiga aspek tersebut seperti berikut:

1. Kitab *Fath al-Mujid Sharh al-Durr al-Farid fi `Aqa'id Ahl Tawhid*, karangan al-Shaykh Muhammad Nawawi bin `Umar al-Jawi al-Shafi`i. Kitab ini dicetak di Maktabah Muhammad al-Nahdi wa Awladuh, Thailand, pada tahun 1954M.. Karya ini adalah merupakan huraian terhadap kitab *al-Durr al-Farid fi `Aqa'id Ahl Tawhid*, karangan al-Shaykh Ahmad bin al-Sayyid `Abd al-Rahman al-Nahrawi. Shaykh Muhammad Nawawi menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar bagi kitab ini. Kitab ini selesai dikarang oleh beliau pada tahun 1294H..

2. Kitab *al-Jawahir al-Saniyyah*. Kitab ini dikarang oleh al-Shaykh Dawud bin `Abdullah al-Fatani dan dicetak di Matba`ah bin Halabi Fatani, Thailand. Kitab ini menghimpunkan tiga ilmu teras agama Islam iaitu tauhid, fikah dan tasawuf. Oleh kerana kajian ini hanya berkaitan dengan akidah, penulis hanya meneliti dari aspek akidah sahaja. Dalam bahagian akidah, al-Shaykh Dawud masih terikat dengan pendekatan yang digunakan oleh *Umm al-Barahin*, terutamanya dalam membahaskan sifat dua puluh. Namun begitu beliau menambah isi kandung akidah dengan perbahasan *al-sam`iyyat* seperti *mahsyar, sirat, hisab* dan lain- lain yang bersangkutan dengan hari kiamat.

3. Kitab *`Aqidah al-Najin fi `Ilm Usul al-Din*. Kitab ini dikarang oleh al-Shaykh Zayn al-`Abidin bin Muhammad al-Fatani. Ia dicetak di Matba'ah bin Halabi, Thailand. Kitab ini hanyalah terjemahan dari kitab *Syarh Umm al-Barahin* oleh Imam al-Sanusi. Kata al-Shaykh Zayn al-`Abidin:

   Telah membaiki Allah Ta`ala bagiku dan bagi mereka itu akan bahawa aku suratkan bagi mereka itu suatu kitab pada menyatakan ilmu usuluddin pada hal aku terjemahkan daripada muqaddimah Shaykh Sanusi serta aku tambahkan atasnya daripada beberapa kalam syarahnya dan hasyiahnya supaya nyata maksud daripada kalam syaikh itu dan jikalau tiada aku ahli bagi yang demikian itu sekalipun tetapi i`timadku kepada tawfiq karim al-wahhab.[59]

   Kitab ini telah disempurnakan penulisannya oleh al-Shaykh Zayn al-`Abidin pada hari Sabtu bulan Jamad al-Akhir, tahun 1308 Hijrah.[60]

4. Kitab *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma`rifat Allah al-Qadir*. Kitab ini dikarang dan disusun oleh `Abd al-`Aziz bin Isma`il al-Fatani. Kitab ini selesai ditulis oleh beliau pada hari Ahad, dua haribulan Jamad al-Akhir 1409H..[61] Pendekatan yang digunakan adalah sama dengan *Umm al-Barahin*, di mana beliau turut memulakan perbahasan dengan penjelasan mengenai hukum akal sebelum membahaskan sifat dua puluh. Metode pendalilan juga sama iaitu mengunakan metode kias dari kategori *al-burhan* sebagai asas pendalilan. Namun begitu, pengarang ada membuat sedikit penambahan pada topik perbincangan kitab ini, iaitu dengan mengemukakan huraian ringkas mengenai erti agama *(al-din),* Rukun

---

[59] Al-Shaykh Zayn al-`Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t), *`Aqidah al-Najin fi `Ilm Usul al-Din*, Thailand: Matba`ah bin Halabi, h. 2.

[60] *Ibid.*, h. 139.

[61] `Abd al-`Aziz bin Isma`il, (1994), *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma`rifah Allah al-Qadir*, Kelantan: Pustaka Aman Press, h. 42.

Iman dan Rukun Islam. Topik-topik tambahan ini tidak dibincangkan oleh al-Sanusi di dalam *Umm al-Barahin*.

5. Kitab *Kifayah al-Ghulam fi Bayan Arkan al-Islam wa Shurutih*. Kitab ini dikarang oleh Shaykh Isma`il Minangkabau dan dicetak di Matba`ah Bin Halabi, Fatani, Thailand. Kitab ini dikarang oleh Shaykh Isma`il dalam bentuk yang amat ringkas, bersesuaian dengan sasaran pembaca kitab ini iaitu untuk golongan yang baru berkenalan dengan ilmu akidah.[62] Kitab ini menghimpunkan dua ilmu teras agama Islam iaitu tauhid dan fikah yang diklasifikasikan sebagai ilmu fardhu ain.

6. Kitab *Risalah al-Tawhid*. Kitab ini adalah terjemahan dari kitab *Matn Minhaj* yang berbahasa Arab. Ia diterjemahkan oleh Dato' Haji Abdullah bin Abdul Rahman. Beliau adalah bekas Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Johor. Kemudian ia dipinda oleh Abdul Ghani bin Yahya dan Umar bin Yusuf. Pindaan dilakukan untuk memberi kemudahan kepada pembaca memahami kandungan kitab tersebut.[63] Kitab ini masih lagi menggunakan pendekatan sifat dua puluh dalam huraiannya. Dalam mengemukakan metode pendalilan, pengarang masih mengekalkan penggunaan metode kias mantik sebagaimana yang digunakan di dalam kitab *Umm al-Barahin*. Namun begitu, pengarang ada melakukan penambahan dengan memasukkan perbahasan hukum mengenai isu-isu tertentu yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu yang melibatkan persoalan akidah seperti "membuang ancak" dan "upacara harimau".[64] Persoalan Rukun Iman yang lain seperti percaya kepada malaikat, kitab, hari kiamat dan qada' dan qadar juga dibincangkan dalam kitab ini. Oleh yang demikian, kitab ini adalah sebuah kitab akidah berbahasa Melayu yang membincangkan persoalan akidah secara keseluruhan

---

[62] Shaykh Isma`il Minangkabau (t.t), *Kifayah al-Ghulam fi Bayan Arkan al-Islam wa Shurutih*. Thailand: Matba`ah bin Halabi Fatani, h. 1.

[63] Dato'Haji Abdullah bin Abdul Rahman (1952), *op.cit.*, h. 3.

[64] *Ibid.*, h. 21.

sebagaimana yang terkandung di dalam Rukun Iman.

7. Kitab *Bidayah al-Hidayah Sharh Matn Umm al-Barahin*. Kitab yang dikarang oleh al-Shaykh Muhammad Zayn Ibn al-Faqih Jalal al-Din ini dicetak di Matba`ah bin Halabi, Fatani,Thailand. Kitab ini merupakan himpunan huraian dan ulasan terhadap kitab *Umm al-Barahin* di dalam bahasa Jawi. Ia dikhususkan untuk golongan yang baru mendekati ilmu akidah.[65]

8. Kitab *Sharh Usul al-Tahqiq*. Kitab ini asalnya adalah berbahasa Arab kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Ia di*tashih*kan oleh Ahmad Sa`ad `Ali, seorang ulama' al-Azhar dan Muhammad Idris al-Marbawi pada tahun 1358H./1939M., dan dicetak di Matba`ah bin Halabi, Fatani, Thailand. Kitab ini diterjemahkan oleh seorang ulama' dari Fatani yang tidak diketahui namanya.

9. Kitab *Siraj al-Huda Pada Menyatakan `Aqidah Ahl al-Taqwa.* Kitab ini dikarang oleh al-Shaykh Muhammad bin Zayn al-Din bin Muhammad Badawi al-Sambawi, dan dicetak di al-Haramayn li al-Tiba`at wa al-Nashr, Singapura. Kitab ini adalah huraian kitab Umm al-Barahin dalam bahasa Melayu. Kata al-Shaykh Muhammad bin Zayn:

   Dan kemudian daripada itu maka sungguhnya telah meminta akan hamba oleh setengah daripada orang yang tiada meluaskan akan hamba oleh menyalahi akan dia bahawa hamba surat akan risalah yang indah dengan bahasa jawi hal keadaannya menjadi Syarah atas matan Umm al-Barahin.[66]

---

[65] Al-Shaykh Muhammad Zayn Ibn al-Faqih Jalal al-Din (t.t.), *Bidayah al-Hidayah Sharh Matn Umm al-Barahin*. Thailand: Matba`ah bin Halabi, Fatani, h. 2.

[66] Al-Shaykh Muhammad bin Zayn al-Din bin Muhammad Badawi al-Sambawi (t.t), *Siraj al-Huda Pada Menyatakan `Aqidah Ahl al-Taqwa*. Singapura: al-Haramayn li al-Tiba`ah wa al-Nashr, h. 2.

10. Kitab *`Atiyyah al-Rahman Pada Menyatakan Qawa`id al-Iman.* Kitab ini dikarang oleh al-Shaykh Muhammad Azhari Ibn `Abdullah al-Falimbani, dicetak di al-Haramayn li al-Tiba`ah wa al-Nashr, Singapura. Perbincangan kitab ini sama dengan apa yang dibincangkan dalam *Umm al-Barahin* pada asasnya. Namun begitu pengarang ada membuat penambahan di akhir kitab iaitu dengan mengemukakan huraian terhadap semua Rukun Iman yang enam dengan ringkas. Oleh itu kitab ini bukan sahaja membincangkan permasalahan ketuhanan dan kenabian sahaja, tetapi ia turut membincangkan persoalan *al-sam`iyyat.*[67]

11. Kitab *al-Muqaddimah al-Kubra allati Tafara`at Minha al-Natijah al-Suhgra.* Kitab ini dikarang oleh al-Shaykh Isma`il Ibn al-Fadil `Abdullah al-Khalidi al-Naqshabandi dan dicetak di Matba`ah al-Amirah, Mesir, pada tahun 1309 Hijrah. Kitab ini merupakan himpunan huraian dan ulasan kitab *Umm al-Barahin*. Kata Shaykh Isma`il:

    Dan kemudian daripada itu maka inilah suatu risalah yang dipindahkan akan dari segala kitab usul al-din ertinya segala pohon agama daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu, iaitu dipindahkan daripada Sharh Umm al-Barahin, karangan imam al-Sanusi dan mengait syarahnya itu jua al-Hudhudi Sharh Umm al-Barahin itu juga dan Tilimsani Sharh Umm al-Barahin itu jua dan Sharh Umm al-Barahin itu jua bagi al-Sanusi itu dan lainnya daripada segala kitab yang diambil faqir sedikit-sedikit sekadarkan dapat difahamkan oleh yang baharu belajar ilmu usul al-din yang berkehendak ia kepada menuntut perkataan-perkataan matan kitab yang bernama Umm al-Barahin karangan Imam al-Sanusi ”[68]

[67] Al-Shaykh Muhammad Azhari Ibn `Abdullah al-Falimbani (t.t), *`Atiyyah al-Rahman Pada Menyatakan Qawa`id al-Iman*. Singapura: al-Haramayn li al-Tiba`ah wa al-Nashr, h. 25.

[68] Al-Shaykh Isma`il Ibn al-Fadil `Abdullah (1309), *al-Muqaddimah al-Kubra allati Tafara`at Minha al-Natijah al-Suhgra*. Kaherah: Matba`ah al-Amirah, h. 2.

Kitab ini selesai dikarang oleh Shaykh Isma`il pada 15 Jamad al-Akhir, tahun 1304 Hijrah. Isi kandungan kitab ini dipersembahkan oleh Shaykh Isma`il dalam bentuk soal jawab.[69]

12. Kitab *Miftah al-Jannah***.** Kitab ini dikarang oleh Muhammad Tayyib Ibn Mas`ud al-Banjari. Ia dicetak di Matba`ah bin Halabi, Fatani. Kitab ini juga merupakan himpunan huraian kitab *Umm al-Barahin* yang disusun kembali oleh pengarang mengikut kesesuaian sasaran pembaca. Pengarang juga menambah beberapa keterangan untuk menjelaskan lagi maksud ungkapan ungkapan perkataan yang terkandung di dalam kitab *Umm al-Barahin*. Kata al- Shaykh Muhammad Tayyib;

    Maka aku pungut bagi mereka itu segala simpulan iman daripada kitab Umm al-Barahin dengan bahasa mereka dan aku datangkan dengan dalil pada sisi madlulnya dan aku nyatakan segala makna tiap-tiap `aqa'id itu dengan barang yang aku tilik akan dia daripada segala syarah dan segala hashiyah atas jalan memendekkan kerana memudahkan mereka itu."[70]

13. Kitab *Sharh Matn Jawharah al-Tawhid*. Kitab ini adalah terjemahan kitab *Sharh Jawharat al-Tawhid* oleh al-Shaykh Ibrahim al-Laqqani ke bahasa Melayu dari kitab asalnya yang berbahasa Arab. Kitab ini diterjemahkan oleh seorang ulama' Jawi yang tidak diketahui namanya. Ia telah dicetak di Percetakan al-Ma`arif, Pulau Pinang.

14. Kitab *Faridah al-Fara'id fi `Ilm al-`Aqa'id***.** Kitab ini dikarang oleh Ahmad bin Muhammad Zayn bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani, dan ia telah dicetak di Matba`ah bin Halabi, Thailand. Kitab ini merupakan antara kitab ilmu tauhid yang masyhur di Alam Melayu. Ia biasanya dijadikan teks pengajaran di institusi pengajian pondok

[69] *Ibid.*, h. 180.

[70] Muhammad Tayyib Ibn Mas`ud al-Banjari (t.t), *Miftah al-Jannah.* Thailand: Matba`ah bin Halabi, h. 3.

dan surau di serata kampung di alam Melayu termasuklah di Malaysia.

15. Kitab *`Umdah al-Talib al-Mujtahid fi Sharh Faridah al-Fara'id.* Kitab ini dikarang oleh al-Haj `Abdullah bin al-Haj Ibrahim al-Fatani al-Jabi. Kitab ini telah di*tashih*kan oleh Tuan Guru Haji Ahmad bin Abdul Wahab. Ia dicetak di Maktabah Wa Matba`ah Muhammad al-Nahdi Wa Awladuh. Kitab ini adalah huraian kepada kitab *Faridah al-Fara'id fi `Ilm al-`Aqa'id,* karangan Ahmad bin Muhammad Zayn bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani.

Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan bahawa kitab *Umm al-Barahin* sememangnya banyak mempengaruhi penulisan karya akidah di dunia Islam termasuklan di alam Melayu. Pengaruh tersebut dapat dilihat dari pelbagai aspek, iaitu dari aspek isi kandungan kitab secara keseluruhan beserta dengan mukadimah kitab yang membahaskan hukum akal, susunan isi kandungan yang dimulai dengan perbahasan hukum akal dan disudahi dengan huraian dua kalimah *al-Shahadah* dan metode pendalilan dalam mengisbatkan asas-asas akidah Ahl al-Sunnah yang berasaskan nas al-Qur'an dan al-Hadith dan akal yang berasaskan metode *al-burhan.*

KESIMPULAN

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa al-Sanusi adalah tokoh ilmuwan pada abad ke sembilan Hijrah yang menguasai dengan baik ilmu akidah. Terdapat beberapa faktor yang membolehkannya muncul sebagai seorang tokoh ilmuwan yang terkenal. Antaranya ialah faktor keluarga yang cintakan kepada ilmu, persekitaran dan suasana tempat beliau membesar iaitu Tilimsan yang merupakan pusat ilmu yang setanding dengan Kaherah di Mesir dan Baghdad di Iraq serta ditambahkan lagi dengan faktor dalaman yang sedia ada dalam diri al-Sanusi itu sendiri yang cintakan kepada ilmu. Al-Sanusi menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan terutamanya ilmu akidah atau ilmu kalam. Pemikiran kritis dan kreatif beliau dalam menyusun karya-karyanya menjadikan karya-karya tersebut cukup menarik dan amat berlainan dengan karya-karya terdahulu.

Kitab *Umm al-Barahin* adalah sebuah karya akidah al-Sanusi yang mendapat tempat di kalangan sebahagian besar masyarakat Islam di seluruh dunia. Persembahannya yang ringkas, padat dan merangkumi sebahagian besar topik-topik perbahasan akidah Islam berdasarkan fahaman Ahl al-Sunnah Wa al-Jama`ah. Perbincangan mengenai isu-isu akidah ini disertakan dalil-dalil *al-`aqli* yang selari dengan dalil *al-naqli* yang mantap dengan tujuan mengisbatkan sesuatu doktrin akidah, misalnya mengisbatkan sifat Allah S.W.T. atau sifat Rasul a.s. Keistimewaan ini telah menarik minat ilmuwan Islam yang menyusul selepas beliau. Kitab *Umm al-Barahin* telah dijadikan sebagai bahan kajian, teks pengajaran dan pembelajaran akidah khususnya di alam Melayu serta kitab tersebut menjadi sumber inspirasi kepada mereka menghasilkan karya akidah. Oleh yang demikian, kitab ini sememangnya mempunyai pengaruh yang amat besar ke atas penghasilan karya-karya akidah dari aliran Ahl al-Sunnah Wa al-Jama`ah, khususnya di alam Melayu selepas kewafatan al-Sanusi.

RUJUKAN

`Abd al-`Aziz bin Isma`il (1994), *Risalah al-Misbah al-Munir fi Ma`rifah Allah al-Qadir,* Kelantan: Pustaka Aman Press.

`Abd al-Sami`, Salih (t.t.), *al- Thamar al-Dani fi Taqrib al-Ma`ani*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Abu Yazid, Muhammad Shar`i (t.t), *Jam` al-Qur'an fi Marahilih al-Tarikhiyyah min al-`Asr al- Nabawi ila al-`Asr al-Hadith,* Jil. 1, t.tp.:t.p..

Asywadie Syukur (1992), *Pemikiran-pemikiran Tauhid Syaikh Mohammad Sanusi.* Surabaya: Pt Bina Ilmu.

Athir al-Din, al-Abhari (2003), *Mughni al-Tullab Sharh Matn Isaghuji,* al-Buti, Mahmud Ramadan *(tahqiq)*, Damsyik: Dar al-Fikr.

Balqa'id, Jami`ah Abi Bakr (2008), *Tilimsan wa `Ulama""uha,* http://www1. univ – tlemcen.dz h. 1, 4 April 2008.

Al-Dhahabi, Abu `Abdullah Muhammad bin Ahmad bin `Uthman (1413H.), *Sayr A`lam al-Nubala*', Jil. 17. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Fawdah, Sa`id `Abd al-Latif (2004), *al-Muyassar li Fahm Ma`ani al-Sulam,* Jordan: Dar al-Razi.

Fawdah, Sa`id `Abd al-Latif (2004), *Tahdhib fi Sharh Matn al-Sanusi.* Jordan: Dar al-Razi.

Al-Fudali, Shaykh Muhammad (t.t), *Kifayah al-`Awam*. Fatani: Matba`ah Ibn Halabi.

Habannakah al-Midani, `Abd al-Rahman Hasan (2004), *Dawabit al-Ma`rifah.* Damsyik: Dar al-Qalam.

Ibn Khaldun, `Abd al-Rahman bin Muhammad (1979), *Tarikh Ibn Khaldun,* Jil. 1, Beirut: Mu'assasah Jammal li al-Tiba`ah Wa al-Nashr.

Ibrahim al-Bayjuri (t.t), *Hashiyah `Ala Matn al-Sanusiyyah*. Indonesia: Dar Ihya' al-Kutub al-`Arabiyyah.

Kahalah, `Umar Rida (t.t), *Mu`jam al-Mu'alifin Tarajum Musannif fi al-Kutub al-`Arabiyyiah*, Jil. 10. Beirut: Maktabah al-Muthna, Dar al-Ihya' al-Turath.

Al-Kattani, `Abd al-Hayy bin `Abd al-Kabir (1982), *Fihrist al-Faharis wa al-Ithbat.* `Abbas, Ihsan (*ta*h*qiq*), Jil. 2. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

Muhammad Tayyib Ibn Mas`ud al-Banjari (t.t), *Miftah al-Jannah.* Thailand: Matba`ah bin Halabi.

Nazar bin `Ali (2005), *Ihsa' Musannafat al-Imam Abi `Abdullah Muhammad bin Yusuf al-Sanusi,* http://www.aslen. Net, h. 7, 5 April 2008.

Salman, Nuh `Ali (2003)**,** *al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharah al-*

Tawhid. Kuala Lumpur: Muassasah al-Bayan.

Al-Shams al-Anbabi (t.t), *Taqrir li al-Hashiyah `ala Matn al-Sanusiyyah.* Indonesia: Dar al-Ihya' al-Kutub al-`Arabiyyah.

Al-Sharqawi, `Abd Allah bin Hijazi (1955), *Hashiyah `ala Sharh al-Imam al-`Allamah Muhammad bin Mansur al-Hudhudi `Ala Umm al-Barahin.* Kaherah: Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi.

Shayhku, Luways (2008), *Tarikh al-Adab al-`Arabiyyah*, Jil. 1, h. 45, http://www.alwarraq.com. 4 Julai 2008.

Al-Shaykh Isma`il Ibn al-Fadil `Abdullah (1309), *al-Muqaddimah al-Kubra allati Tafara`at Minha al-Natijah al-Suhgra*. Kaherah: Matba`ah al-Amirah.

Shaykh Isma`il Minangkabau (t.t), *Kifayah al-Ghulam fi Bayan Arkan al-Islam wa Shurutih*. Thailand: Matba`ah bin Halabi Fatani.

Al-Shaykh Muhammad Azhari Ibn `Abdullah al-Falimbani (t.t), *`Atiyyah al-Rahman Pada Menyatakan Qawa`id al-Iman*. Singapura: al-Haramayn li al-Tiba`ah wa al-Nashr.

Al-Shaykh Muhammad bin Zayn al-Din bin Muhammad Badawi al-Sambawi (t.t), *Siraj al-Huda Pada Menyatakan `Aqidah Ahl al-Taqwa*. Singapura: al-Haramayn li al-Tiba`ah wa al-Nashr.

Al-Shaykh Muhammad Zayn Ibn al-Faqih Jalal al-Din (t.t.), *Bidayah al-Hidayah Sharh Matn Umm al-Barahin.* Thailand: Matba`ah bin Halabi, Fatani.

Al-Shaykh Zayn al-`Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t), *`Aqidah al-Najin fi `Ilm Usul al-Din,* Thailand: Matba`ah bin Halabi.

Al-Tambakti, Ahmad Baba (2004), *Nayl al-Ibtihaj bi Tatriz al-Diba,* `Umar, `Ali *(tahqiq),* Jil. 2, Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

Al-Yasu`i, al-Ab Luways Ma'luf (1908), *al-Munjid fi al-Lughah wa al-*

*Adab wa al-`Ulum*. Beirut: Matba`ah al-Kathulikiyyah.

Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad al-Hasani (1989), *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin*, Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Al-Zirikli, Khayr al-Din (1980), *al-A`lam*, Jil. 5. Beirut: Dar al-`Ilm li al-Malayin.